



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Jabatan Penilaian

Bangunan Sultan Alam Shah

Jalan Perbandaran

41675 Klang, Selangor Darul Ehsan

TEL : 03-33755555, 33758085 FAX : 03-33719418

HOME PAGE : www.mpklang.gov.my EMAIL : aduan@mpklang.gov.my

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PEMULANGAN BALIK CUKAI TAKSIRAN (REMISI)
SEKSYEN 162, AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

(untuk simpanan pemohon)

1. Permohonan boleh dibuat sekiranya **BANGUNAN KOSONG** (tidak dapat disewakan) lebih daripada **satu (1)** bulan kalendar.
2. **PERMOHONAN** hendaklah dibuat **2 KALI** setahun mengikut penggal iaitu :
Penggala 1 (Januari – Jun) – Permohonan diterima mulai 1 Januari hingga 7 Jun
Penggala 2 (Julai – Disember) – Permohonan diterima mulai 1 Julai hingga 7 Disember
3. Pemilik hendaklah mengemukakan **NOTIS BERTULIS/BORANG PERMOHONAN REMISI (JPPH 12/12A) YANG LENGKAP** dalam tempoh 7 hari dari tarikh mulanya kekosongan bangunan iaitu **sebelum/pada 7hb** setiap bulan kalendar. Sekiranya permohonan dikemukakan selepas daripada tarikh itu, permohonan hanya akan dikira mulai bulan berikutnya.
4. Pemilik mesti mengemukakan **BUKTI** yang memuaskan hati Pihak Berkuasa Tempatan bagi perkara-perkara berikut :
 - a) Bangunan dalam keadaan baik dan layak diduduki
 - b) Telah berusaha untuk mendapatkan penyewa dan mengemukakan bukti-bukti berikut :
 - i) Gambar **berwarna** yang mempamerkan kenyataan "BANGUNAN UNTUK DISEWA" pada bangunan *atau*
 - ii) Iklan **asal** di dalam akhbar tempatan – sebaiknya dalam Bahasa Malaysia *atau*
 - iii) Surat **asal** Ajen Hartanah yang dilantik *dan*
 - c) Sewa yang diminta adalah munasabah
 - d) Bangunan telah kosong dalam tempoh yang dipohon untuk remisi
5. Bagi bangunan yang di dalam pembinaan semula atau pembaikan, perkara 4 (a),(b) dan (c) di atas tidak perlu dibuktikan. Walaubagaimanapun surat pengesahan daripada pihak kontraktor atau permit kelulusan memulakan pembinaan kecil, perubahan dan tambahan kecil hendaklah **dikemukakan** kepada Pihak Majlis.
6. Pemilik hendaklah memberitahu kepada Majlis secara bertulis sekiranya bangunan telah disewakan. Permohonan remisi akan ditolak sekiranya didapati bangunan telah diduduki/disewakan.
7. **BANGUNAN KOSONG YANG BOLEH DIPOHON REMISI**
 - a) Sesuatu flat yang lengkap(self-contained) (dalam bangunan yang didirikan dengan kelulusan Majlis)
 - b) Mana-mana seluruh tingkat bagi bangunan yang mempunyai jalan atau pintu masuk yang berasingan
 - c) Ruang lantai tidak kurang daripada 1000 kaki persegi pada tingkat yang sama sesuatu bangunan yang boleh disewakan sebagai suatu pejabat, kedai, kilang, gudang atau lain-lain kegunaan yang seumpamanya.
8. Pemilik hendaklah mengemukakan **SURAT TUNTUTAN PEMULANGAN BALIK CUKAI TAKSIRAN (JPPH 12B)** tidak lewat dari **satu (1)** bulan selepas tamat tempoh penggal yang berkenaan :
Penggala 1 (Permohonan Januari – Jun) - Tuntutan mesti dibuat pada Bulan Julai
Penggala 2 (Permohonan Julai – Disember) - Tuntutan mesti dibuat pada Bulan Januari pada tahun berikutnya

Tuntutan yang dibuat selepas Bulan Julai tahun yang sama, atau Bulan Januari tahun berikutnya, REMISI TIDAK AKAN DIBERI/DITOLAK dari bil pembayaran Cukai Taksiran penggal berikutnya.

PERINGATAN

Permohonan remisi hanya dipertimbangkan sekiranya bil Cukai Taksiran pada penggal yang dipohon telah dijelaskan terlebih dahulu.